



Sekolah Rendah Meridian



11 February 2023
Darjah 5 & 6
Bahasa Melayu

Cikgu Norhaida
Cikgu Masayu

*Resilience · Responsibility · Care · Respect · Integrity · Teamwork ·
Nurturing Future Learners, Future Citizens, Future Leaders*

Peperiksaan

Perbezaan antara Darjah 4 dan Darjah 5/6

Darjah 4 (lebih mudah)		Darjah 5 (format PSLE)	
Lisan	30 markah	Lisan	50 markah
Kefahaman Mendengar	10 markah	Kefahaman Mendengar	20 markah
Karangan (Kertas 1)	15 markah	Karangan (Kertas 1)	40 markah
Kertas 2	45 markah	Kertas 2 (Booklet A: 50 markah + Booklet B: 40 markah)	90 markah
Jumlah Penuh	100 markah	Jumlah Penuh	200 markah

Fokus Utama Hari Ini


Bahagian penulisan:

Karangan (40 markah)

- ❖ Strategi penulisan karangan
- ❖ Penulisan yang koheren dan tepat
- ❖ Meluaskan atau mengembangkan isi cerita dengan secukupnya
- ❖ Kesilapan tatabahasa

Karangan (40 markah)

- 2 soalan diberi, pilih 1
- Penggunaan kamus / e-kamus dibenarkan



Dapatkan contoh ayat, imbuhan, kata ganda, kata majmuk, peribahasa dan kata dasar daripada perkataan yang ditaja.

Kamus

1

M-M
Cth | K.Dar
makan
makan ampun
makanan
makanan awet
makanan baku
makanan berzat
makanan enggang hendak dimakan oleh
makan angin
makan angkat
makanan kalengan

Taipkan perkataan **makan**.

M-M
Cth | Imb | K.Gan | K.Ma | Per.
makan
(ma.kan)
1. memamah serta menelan makanan,
mengunyah (menelan, melulur, 1)
menghisap, dll) sesuatu [m].
2. = makan nasi
memamah serta menelan nasi [m].
3. rezeki [m].

Seranyi maksud perkataan makan.
1. "Highlight" perkataan melulur dan tekan butang
"Enter" 2X untuk dapatkan makna.
2. Tekan [m] untuk dapatkan contoh ayat perkataan
'makan'

M-M
Cth | K.Dar
melulur
(me.lu.lur)
1. melancar masuk, meluncur,
melungsur [m].
2. menelan [m].

Maksud perkataan melulur.

M-M
Cth
1. Bagaimana hendak mencari makan
kalau kesihatanmu selalu terganggu.

Contoh ayat makan.

2

M-M
Cth | K.Dar
makan-makanan
(ma.kan.ma.kan.an)
bermacam-macam jenis makanan


Kata Ganda

M-M
K.Dar
makan-makanan
(ma.kan.ma.kan.an)
bermacam-macam jenis makanan

Kata Majmuk

M-M
makan candu
makan pil
makan sirih
makan ampun
makan sirih
(ma.kan si.rih)
mengunyah sirih

Cth | Contoh Ayat
Imb | Imbuhan
K.Gan | Kata Ganda
K.Maj | Kata Majmuk
Per. | Peribahasa
K.Dar | Kata Dasar



ARAHAN : Kertas ini mengandungi **dua** soalan. Pilih **SATU** soalan sahaja. Kamu diberi masa 50 minit untuk memilih soalan dan menulis sebuah karangan mengenai soalan pilihan kamu itu. Dengan menggunakan **tidak kurang daripada 120 patah perkataan**, tulis sebuah karangan berdasarkan soalan pilihan kamu itu.


SOALAN 1

Satu nasihat yang mengubah diri saya

Kamu boleh menggunakan butir-butir yang berikut:

- Siapakah yang terlibat?
- Apakah nasihat yang diberi?
- Bagaimana kamu berubah setelah kamu diberi nasihat?
- Bagaimana perubahan itu menjejaskan orang di sekeliling kamu?

Soalan 2: Perhatikan gambar berseri di bawah ini. Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar tersebut dan ceritakan peristiwa yang berlaku selanjutnya. Kamu boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberikan.



Perkataan/Frasa

di taman

tidak mengendahkan

membuang sampah

berasa marah

bungkusan keropok

kulit pisang

tong sampah

tergelincir

STRATEGI

P5&6-Burger

MIKKLIPET

Mula

Isi


Konflik

Klimaks

Penyelesaian

Tutup

(5-7 Ayat)






Mempertingkatkan kemahiran penulisan

Boleh mempelajari bagaimana menulis dalam perenggan dengan berfokus kepada dialog, peribahasa dan bahasa yang kreatif.



Secara umum, masalah yang sering timbul dalam **karangan pelajar**

Pelajar:


-  menggunakan kosa kata yang kurang tepat
-  agak lemah dalam membina ayat kompleks
-  tidak meluaskan atau mengembangkan isi cerita dengan secukupnya

[https://m.facebook.com/story.php
?story_fbid=586931252377319&id
=595957906&sfnsn=mo&mibextid
=6aamW6](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=586931252377319&id=595957906&sfnsn=mo&mibextid=6aamW6)

Assalamualaikum kawan-kawan. Hari ini kita akan menebang. Kita akan berterbang daripada Singapura kepada Malaysia, Kuala Lumpur. Ia akan mengambil empat jam. Pada masa kapal terbang ini macam, macam bergoncang, macam bergoyang-goyang, jangan risau. Taruk tangan anda, pegang pada kerusi anda seketat semungkin dan menunggu untuk announcement ke atas, announcement, ya. Pada masa kapal terbang ini macam tak terbang lagi, macam macam jatuh, macam berhenti terbang macam gitu, jangan risau. Ambil, ambil jaket warna oren bawah kerusi anda dan memakai jaket itu. Menunggu untuk instruct..instruct. Menunggu untuk instruction dalam speaker itu. Apabila kita sudah kat lantai, kapal terbang kat lantai, menunggu dan kita akan meninggal bersama-sama keluar dari kapal terbang ini. Ya, itu semua. Saya harap, semua korang sihat, Alhamdulillah, dan terima kasih untuk berterbangan dengan Iza Airlines. Terima kasih.

Aktiviti Untuk Ibu bapa (10 minit)

 Arahan bagi ibu bapa:

 pilih perkataan yang sesuai untuk menggantikan perkataan yang bergaris

 kamus akan disediakan jika perlu



Contoh Penggunaan Kosakata yang Kurang Tepat

CONTOH-CONTOH

KESILAPAN UMUM	PEMBETULAN
Adik akan <i>jadi baik</i> .	Adik akan <i>pulih</i> .
Adik <i>mencuba mengajak</i> abangnya.	Adik <i>memujuk</i> abangnya.
Dia berjanji akan <i>menukar</i> perangnya.	Dia berjanji akan <i>mengubah</i> perangnya.
Jangan <i>membuat</i> kesalahan kamu <i>lagi</i> .	Jangan <i>mengulangi</i> kesalahan kamu itu.
<i>Mata</i> Ahmad <i>pusing</i> ke arah katil.	Ahmad <i>melirik/menjeling</i> ke arah katil.

Kelemahan Dalam Membina Ayat Kompleks

Ayat Kompleks:

-  merupakan gabungan dua atau lebih ayat tunggal
-  memerlukan **kata hubung** untuk menggabungkan ayat-ayat tunggal tersebut

Contoh-Contoh Kata Hubung:

Kerap Digunakan	Jarang Digunakan / Tidak Digunakan Dengan Tepat
dan, lalu, tetapi, kerana, walaupun	sementara, apabila, tatkala, semasa, jika, namun, maka

Contoh Kelemahan Dalam Membina Ayat Kompleks


CONTOH-CONTOH

KESILAPAN UMUM	PEMBETULAN
Ibu menghampiri adik dan mengangkatnya.	Ibu menghampiri adik lalu mengangkatnya.
Adik berasa bosan jadi dia mengajak Ahmad bermain bersamanya.	Adik berasa bosan maka dia mengajak Ahmad bermain bersamanya.
Ibu menasihati Ahmad untuk menjadi seorang abang yang bertanggungjawab.	Ibu menasihati Ahmad supaya menjadi seorang abang yang bertanggungjawab.
Sedangkan aku bermain komputer, adikku bermain alat kawalan jauh.	Sementara aku bermain komputer di hadapanku, adikku bermain alat kawalan jauh.

Masalah yang sering dihadapi


- Murid **terlalu cepat beralih ke isi/ idea kedua dan seterusnya, tanpa memikirkan dengan lebih teliti lanjutan daripada idea utama tersebut.**
- Padahal fokus isi karangan ialah kepadatan dan **keupayaan mengaitkan hal lain yang berkaitan dan meluaskan idea** bagi melengkapkan karangan tersebut.
- Ini menyebabkan isi mereka menjadi singkat justeru mengurangkan markah bagi isi karangan mereka sedangkan **ISI** karangan adalah **20 markah.**

Contoh Murid



Ahmad sedang bermain permainan komputer. Dia terlalu asyik bermain. Adiknya sedang bermain kereta mainan. Selepas beberapa minit, adiknya berasa bosan lalu meminta abangnya bermain dengannya.

Peluasan idea dalam karangan




Strategi Meluaskan Isi Cerita

 **Idea Utama** mesti diikuti dengan **Idea Sokongan** & **Idea Rumusan**

Idea Utama + **Idea Sokongan** + **Idea Rumusan**

Idea Utama	Isi penting adalah isi yang wajib (biasanya merupakan isi/ idea yang pertama sekali yang murid fikirkan)
Idea Sokongan	Isi yang menyokong idea utama. Ia menerangkan lebih terperinci dari segi perasaan, fikiran, pemerhatian akan situasi, sifat, reaksi atau perbuatan berkenaan idea utama itu
Idea Rumusan	Akibat (sementara) bagi apa yang berlaku dalam idea utama dan idea sokongan

Ini contoh peluasan yang boleh dilakukan



(AU) - Ahmad sedang bermain permainan komputer.


(AS) - Komputer berjenama Apple itu terletak di dalam biliknya.

(AR) - Ahmad berasa teramat teruja kerana baru sahaja memiliki permainan komputer itu.

(AU) - Ahmad terlalu asyik bermain.


(AS) - Dia tidak menghiraukan apa yang berlaku di sekelilingnya.

(AR) - Dia terlupa bahawa dia seharusnya menjaga adiknya.



- (AU) - Adiknya sedang bermain kereta mainan.
- (AS) - Dia sedang bermain seorang diri.
- (AR) - Tiada sesiapa yang meluangkan masa bermain dengannya.
- (AU) - Selepas beberapa minit, adiknya berasa bosan lalu meminta abangnya bermain dengannya.
- (AS) - Adik cuba memujuk Ahmad agar bermain dengannya,
- (AR) - tetapi Ahmad buat bodoh sahaja. Adik berasa amat sedih.

Contoh karangan bergambar



Contoh karangan

Loceng baru berbunyi menandakan tamat waktu sekolah. Zafran terus berjalan keluar. Cuaca pada hari itu sangat panas. **Zafran berjalan ke stesen MRT yang berdekatan sekolahnya.**

Setibanya di stesen MRT itu, Zafran menaiki tangga bergerak sebelum tiba di platform A. Apabila dia tiba di situ, dia ternampak dua orang murid dari sekolahnya sedang bermain. **Mereka sedang melempar-lempar beg ke arah satu sama lain.**

Inilah contoh peluasan yang dijalankan

Loceng baru berbunyi menandakan tamat waktu sekolah. Zafran terus berjalan keluar. Cuaca pada hari itu sangat panas. Zafran berjalan ke stesen MRT yang berdekatan sekolahnya. Hari itu dia bercadang **menaiki MRT. Dia mahu cepat tiba di rumah.**

Setibanya di stesen MRT itu, Zafran menaiki tangga bergerak sebelum tiba di platform A. Apabila dia tiba di situ, dia ternampak dua orang murid dari sekolahnya sedang bermain. Mereka sedang melempar-lempar beg ke arah satu sama lain. Mereka tidak menghiraukan orang yang berada di situ. **Orang yang sedang menunggu kereta api hanya memerhatikan mereka.**

Secara kesimpulan,

Murid..

- harus memastikan isi relevan dalam setiap gambar.
- membayangkan diri mereka dalam keadaan atau situasi di dalam gambar.
- harus ketahui bahawa idea sokongan & idea rumusan boleh **digabungkan** menjadi satu dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

Sokongan daripada ibu bapa / waris

- Beri galakan kepada anak supaya membaca buku cerita Melayu
- Bertutur menggunakan Bahasa Melayu di rumah (ibu atau ayah sahaja)
- Jangan perkecilkan subjek Bahasa Melayu (subjek PSLE)
- Selalu membaca senarai yang diberi seperti senarai peribahasa dan penjumlahan bilangan
- Sokong anak jika mereka dipilih untuk mewakili sekolah untuk apa sahaja pertandingan

Akhir kata,

*Sama-sama kita berganding bahu untuk
menghasilkan anak bangsa
yang mengagungkan
bahasa dan budaya Melayu.*

